RUJUKAN PANDUAN IKLAN PROJEK HARTANAH KAWALAN NEGERI SELANGOR

PENGENALAN 01

Panduan ini bertujuan sebagai rujukan kepada pemaju hartanah kawalan bagi mengelakkan iklan–iklan palsu dan mengelirukan di media sosial

KESALAHAN IKLAN 02

Terdapat beberapa kesalahan yang ditemui dalam iklan hartanah kawalan di media sosial

2.1 Mengggunakan tanpa izin atau menyalahgunakan jata negeri Selangor dan logo Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)

2.2 Menggunakan identiti projek Rumah Selangorku bagi projek ***BUKAN*** Rumah Selangorku

MAKLUMAT PALSU

2.3 Menggunakan paparan iklan yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan

MENGELIRUKAN ORANG AWAM

RUJUKAN PERUNDANGAN 03

3.1 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]

3.2 Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989

3.3 Enakmen Lambang-lambang Dan Nama-nama (Mencegah Daripada Salah Guna) 1962 [Enakmen 13]

KESALAHAN 1

Mengggunakan tanpa izin atau menyalahgunakan jata negeri Selangor dan logo Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)

01

Seksyen 3

ENAKMEN LAMBANG-LAMBANG DAN NAMA-NAMA (MENCEGAH DARIPADA SALAH GUNA) 1962 [ENAKMEN 13]

Larangan menggunakan jata negeri Selangor tanpa keizinan bertulis Raja dalam Mesyuarat

02

Seksyen 8

Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989

Larangan kandungan iklan apa-apa berhubungan dengan :

- **Kerajaan Persekutuan**
- **Kerajaan mana-mana Negeri dalam Malaysia**
- **Mana-mana Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah**
- **Mana-mana pertubuhan atau badan yang ditubuhkan dan diperbadankan oleh undang-undang.**

KESALAHAN 2

03

Seksyen 233

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]

Larangan menyiarkan atau menggunakan maklumat palsu di media sosial.

Menggunakan identiti projek Rumah Selangorku bagi projek *BUKAN* Rumah Selangorku

***MAKLUMAT PALSU**

04

Seksyen 5

Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989

Tiada apa-apa iklan boleh dibuat tanpa mendapat permit iklan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Apa-apa iklan hendaklah mengikut permit iklan yang diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

KESALAHAN 3

Menggunakan paparan iklan yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan

***MENGELIRUKAN ORANG AWAM**

05

Seksyen 6

Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989

Paparan iklan hendaklah mengandungi butiran seperti berikut:

- **Nombor dan tarikh sah lesen pemaju**
- **Nombor dan tarikh sah permit iklan**
- **Nama dan alamat pemaju termasuk pemegang surat kuasa wakil syarikat dan ejen-ejennya**
- **Status pegangan tanah termasuk butiran pegangan pajakan (sekiranya pajakan) seperti tamat tempoh pajakan, sekatan kepentingan dan bebanan ke atas tanah tersebut**
- **Spesifikasi unit hartanah**
- **Nama pemajuan**
- **Tarikh pemajuan dijangka siap**
- **Harga jualan mengikut jenis hartanah termasuk harga jualan minimum dan maksimum jika berkenaan**
- **Bilangan unit bagi setiap jenis hartanah**
- **Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan bangunan dan nombor rujukannya**

KESALAHAN 3

Menggunakan paparan iklan yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan

***MENGELIRUKAN ORANG AWAM**

06

Seksyen 8

Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989

Paparan iklan tidak boleh mengandungi butiran seperti berikut:

- **Tawaran fi guaman percuma**
- **Unjuran pulangan keuntungan dan pendapatan sewaan**
- **Dakwaan berkenaan pemandangan panorama**
- **Tempoh perjalanan dari projek perumahan ke destinasi terkenal**
- **Lain-lain butiran yang tidak bioleh dibuktikan secara sahih**

KESALAHAN 3

Menggunakan paparan iklan yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan

***MENGELIRUKAN ORANG AWAM**

SEKIAN, TERIMA KASIH



Disediakan Oleh :
Unit Penguatkuasaan,
Bahagian Pembangunan Operasi,
Lembaga Perumahan dan
Hartanah Selangor

JANUARI 2023

016-3301272

enforcement.lphs@gmail.com.my